

Headline **Tabika Kemas pupuk budaya menabung**
Date **13 May 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S29**
Article Size **287 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,579**
PRValue **4,736**



Tabika Kemas pupuk budaya menabung



● Norbahyah (duduk) bersama sebahagian kanak-kanak Tabika Kemas Parit 10, Sungai Panjang yang diajar menabung seusia empat tahun.

SUNGAI PANJANG – Sebagai galakan menyimpan seusia awal empat tahun, Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Parit 10 di sini menubuhkan tabung kutipan harian sejak 2003.

Gurunya, Norbahyah Baharudin berkata, setiap hari, akaun simpanan yang dibuat melalui buku catatan akan direkodkan mengikut kemampuan masing-masing.

“Ada yang membuat simpanan RM1 sehari dan bagi yang berkemampuan sesetengah ibu bapa membuat simpanan sehingga RM15 sehari,” katanya ketika ditemui sempena Kursus Penghayatan Rukun Negara dan Demonstrasi Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) Kemas Parlimen Sungai Besar di sini.

Menurutnya, sepanjang kursus berkenaan, tabika berkenaan mengadakan

kempen menabung bersama Tabung Haji (TH) yang mana setiap simpanan yang dibuat kanak-kanak akan dibukukan melalui akaun TH.

Melalui kempen menabung TH, katanya, kaedah penyimpanan menjadi lebih sistematik sekali gus memberi impak positif kepada 28 kanak-kanak di tabika berkenaan mengenai jaminan masa depan.

Beliau berkata, usaha

menyimpan secara harian yang dipraktikkan tabika itu mendapat sokongan ibu bapa.

“Tahun lepas sahaja sehingga akhir Disember kita berjaya membuat simpanan RM4,000, hasil simpanan semua pelajar yang dibuat sejak awal tahun dan sebelum ini kita pernah mengumpul sehingga RM6,000 sebelum diserahkan kepada ibu bapa masing-masing untuk simpanan,” katanya.